

**HUKUMAN PEMULIHAN DAN PELAKSANAANNYA DALAM  
PERUNDANGAN ISLAM DI NEGERI JOHOR**

**MOHD AFIZUL HAKIM BIN IBAKARIM**

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**

**HUKUMAN PEMULIHAN DAN PELAKSANAANNYA DALAM PERUNDANGAN  
ISLAM DI NEGERI JOHOR**

**MOHD AFIZUL HAKIM BIN IBAKARIM**

Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi  
syarat penganugerahan Ijazah  
Sarjana Falsafah

Fakulti Tamadun Islam  
Universiti Teknologi Malaysia

**FEB 2017**

## **DEDIKASI**

Segala puji hanya yang layak bagi Allah S.W.T

Selawat dan salam buat Nabi junjungan Nabi Muhammad S.A.W dan ke atas keluarga baginda dan para sahabat.

Tatapan teristimewanya buat penyelia, Dr. Nasrul Hisyam bin Nor Muhamad. Terima kasih atas ilmu yang dicurahkan dan tidak pernah jemu mendidik. Semoga Allah melindungi dan merahmati.

Untuk Mak dan Ayah tercinta

Tuan Haji Ibrahim @ Ibakarim bin Jantrak Puan Hajah Kalthsom binti Zailani

Ucapan terima kasih tidak terhingga yang sentiasa memahami dan memberi sokongan supaya terus kuat untuk menghabiskan pengajian ini.

Untuk keluarga tercinta,

Nor Ashikin binti Mohd Nor, Nur Atifah Munawwarah, Nur Anis Nasuha dan  
Muhammad Daris Irfan

Terima kasih atas sokongan dan iringan doa pada suami mu. Semoga Allah memberi dan merahmati kalian.

## **PENGHARGAAN**

**بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ**

Syukur Alhamdulillah kepada Allah SWT kerana memberikan saya kesihatan yang cukup, masa dan kemudahan fikiran untuk menyiapkan kajian sarjana ini dalam bentuk sebegini rupa. Jutaan terima kasih yang rasanya tidak saya mampu untuk balas kembali hingga ke akhir hayat saya kepada Dr. Nasrul Hisyam bin Nor Muhamad selaku penyelia atas bantuan yang begitu besar, bimbingan, teguran dan nasihat yang begitu berguna sepanjang kajian ini dilaksanakan.

Pengkaji ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua responden-responden Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Johor (JKSNJ) khususnya Hakim Syarie Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Johor iaitu Yang Arif Tuan Haji Muhammad Khaldun bin Mohamad Sharif, Yang Arif Tuan Haji Shariffuddin bin Abd Rahman, Yang Arif Tuan Haji Syahrulnizam bin Hj Saat, Ketua Pendaftar Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Johor iaitu Yang Arif Tuan Lokman Hakim bin Tuan Kamaludin, dan Hakim Syarie Mahkamah Rendah Syariah Johor Bahru iaitu Tuan Sahul Hamid bin Moideen. Tidak lupa juga kepada Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Pendakwaan iaitu Tuan Haji Zulfahmi bin Bunaim dan Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Penguatkuasaan iaitu Tuan Haji Zamri bin Kambari, Jabatan Agama Islam Negeri Johor kerana sudi meluangkan masa untuk ditemu bual. Tanpa kerjasama mereka, kajian ini tidak dapat disiapkan dengan jayanya. Penghargaan juga kepada pihak yang banyak membantu pengkaji menyiapkan kajian khususnya pihak Perpustakaan Sultanah Zanariah (PSZ), Universiti Teknologi Malaysia, Perpustakaan Tun Sri Lanang (PTSL) dan Perpustakaan Undang-Undang (PUU), Universiti Kebangsaan Malaysia kerana sentiasa membantu proses pengkaji mendapatkan bahan rujukan dan sebagainya.

Akhirnya, segala bantuan yang diberikan oleh pihak tersebut di atas, pengkaji mengucapkan ribuan terima kasih. Semoga Allah SWT memberikan ganjaran setimpal diatas segala sumbangan tersebut. Segala kebaikan dan kebenaran kajian ini adalah daripada Allah SWT manakala sebarang kekurangan adalah daripada kelemahan pengkaji sendiri. Sebarang teguran dan cadangan penambahbaikan oleh sarjana atau pakar dalam bidang undang-undang jenayah syariah ini amatlah dialu-alukan.

## ABSTRAK

Perundangan Islam di Johor telah memperuntukkan beberapa hukuman pemulihan. Terdapat empat permasalahan yang mesti diselesaikan sebelum hukuman pemulihan tersebut dapat dilaksanakan, iaitu permasalahan berkaitan pendirian hukum syarak terhadap konsep hukuman pemulihan dalam fiqh Islam; ketidakjelasan tentang bentuk-bentuk hukuman pemulihan dalam perundangan Islam; kekaburuan dalam melaksanakan hukuman pemulihan; prospek pelaksanaan hukuman pemulihan di Johor. Objektif kajian ini ialah untuk menganalisis konsep hukuman pemulihan dalam fiqh Islam, mengenalpasti bentuk-bentuk hukuman pemulihan dari sudut perundangan Islam, mengkaji pelaksanaan hukuman pemulihan dalam perundangan Islam, dan mengenalpasti prospek pelaksanaan hukuman pemulihan yang lebih menyeluruh di Johor. Metodologi kajian yang dipilih ialah kajian kualitatif. Pengumpulan data dilakukan melalui analisis dokumen dan temu bual separa struktur terhadap tujuh orang responden, iaitu tiga orang Hakim Syarie Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Johor, dan baki empat orang yang setiap satunya ialah Ketua Pendaftar, Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Johor, Hakim Syarie Mahkamah Rendah Syariah Negeri Johor, Ketua Pendakwa Syarie Negeri Johor, dan Ketua Pegawai Penguatkuasa Agama Negeri Johor. Hasil kajian mendapatkan sumber utama tentang hukuman pemulihan dalam fiqh Islam, iaitu dua dalil syarak daripada al-Quran dan tiga dalil syarak daripada al-Sunnah. Kajian juga mendapatkan dua bentuk hukuman pemulihan dalam perundangan Islam yang dikanunkan di Negeri Johor, iaitu perintah khidmat masyarakat dan tahanan institusi. Terdapat juga peruntukan undang-undang yang menjelaskan tentang pelaksanaan hukuman pemulihan. Kajian turut mendapatkan wujudnya prospek yang jelas dalam melaksanakan hukuman pemulihan tersebut pada masa akan datang. Implikasi dalam kajian ini amat relevan terutamanya dalam konteks meningkatkan kefahaman pegawai mahkamah di Johor tentang hukuman pemulihan dalam perundangan Islam di Johor. Rentetan daripada itu, pegawai mahkamah dapat mengenali bentuk-bentuk hukuman pemulihan dalam perundangan Islam di Johor dan seterusnya, membantu pegawai mahkamah membuat penghakiman dan melaksanakan hukuman pemulihan di Johor.

## **ABSTRACT**

Syariah law enactments in Johor has provided some rehabilitative punishments. There are four issues that must be resolved before the rehabilitative punishment could be carried out; namely, the matters relating to the stand of Syariah law on the concept of rehabilitative punishment in Islamic fiqh; the uncertainty about the forms of rehabilitative punishment under the Syariah law; the ambiguities in implementing the rehabilitative punishment; and the implementation prospect the rehabilitative punishment in Johor. The objectives of this study are to analyse the concept of rehabilitative punishment in Islamic fiqh, identify the forms of rehabilitative punishment under the Syariah law, review the implementation of rehabilitative punishment under the Syariah law, and identify the implementation prospects of more comprehensive rehabilitative punishment in Johor. The applied research methodology was qualitative method. Data collection was through document analysis and partial structur interviews of seven respondents, namely three Judges of the Syariah High Court of Johor, and four persons each of whom is the Chief Registrar of the Department of Syariah Judiciary of Johor, Judge of Syariah Subordinate Court of Johor, Chief Syariah Prosecutor of Johor, and Chief Religious Enforcement Officer of Johor respectively. The study found the main sources of rehabilitative punishment in in Islamic fiqh, namely two authorities from al-Quran and three authorities from al-Sunnah. There are two forms of rehabilitative punishment in the Syariah law enactments of Johor known as community service and correctional institutions. There are also legal provisions that provide rehabilitation punishment under the law. This study found prospects in implementing the rehabilitation in the future. The implication of this study is very relevant in the context of improving the understanding of court officials in Johor about the rehabilitative punishment under the Islamic law in Johor. Besides, the court officials can recognise the forms of rehabilitative punishment under the Islamic law in Johor and help them in delivering their judgment and executing the rehabilitative punishment in Johor.

## **ISI KANDUNGAN**

<b>BAB</b>	<b>TAJUK</b>	<b>HALAMAN</b>
	<b>PENGAKUAN</b>	ii
	<b>DEDIKASI</b>	iii
	<b>PENGHARGAAN</b>	iv
	<b>ABSTRAK</b>	v
	<b>ABSTRACT</b>	vi
	<b>ISI KANDUNGAN</b>	vii
	<b>SENARAI JADUAL</b>	xi
	<b>SENARAI STATUT</b>	xii
	<b>SENARAI KES</b>	xiii
	<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xiv
	<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xv
<b>1</b>	<b>PENGENALAN</b>	<b>1</b>
	1.1 Pendahuluan	1
	1.2 Latar Belakang Masalah	2
	1.3 Pernyataan Masalah	10
	1.4 Persoalan Kajian	11
	1.5 Objektif Kajian	11
	1.6 Kepentingan Kajian	12
	1.6.1 Jabatan Kehakiman Syariah Johor	12
	1.6.2 Jabatan Agama Islam Johor	13
	1.6.3 Persatuan Peguam Syarie	13
	1.6.4 Hakim Mahkamah Syariah	14
	1.6.5 Majlis Agama Islam Johor	14
	1.7 Batasan Kajian	15
	1.8 Definisi Istilah	15
	1.8.1 Hukuman & Pemulihan	15
	1.8.2 Perundangan Islam	17
	1.9 Kesimpulan	19

<b>2 SOROTAN KAJIAN</b>	<b>20</b>
2.1 Pendahuluan	20
2.2 Konsep Hukuman Dalam Perundangan Islam	20
2.2.1 Ciri-Ciri Hukuman Dalam Islam	25
2.2.2 Prinsip dan Matlamat Hukuman Dalam Islam	34
2.3 Konsep Takzir Dalam Perundangan Islam	40
2.4 Hukuman di Mahkamah Syariah	41
2.5 Kajian Lepas	42
2.5.1 Konsep Hukuman dan Pemulihan	42
2.5.2 Bentuk-Bentuk Hukuman Pemulihan Dalam Perundangan Islam	44
2.5.3 Pelaksanaan Hukuman	47
2.5.4 Prospek Pelaksanaan Hukuman Pemulihan	50
2.6 Kesimpulan	53
<b>3 METODOLOGI KAJIAN</b>	<b>55</b>
3.1 Pengenalan	55
3.2 Reka Bentuk Kajian	55
3.3 Lokasi Kajian	57
3.4 Responden Kajian	57
3.5 Pengumpulan Data	59
3.5.1 Analisis Dokumen	59
3.5.2 Temuan Separa Berstruktur	60
3.6 Kaedah Analisis Data	63
3.6.1 Kaedah Deskriptif	63
3.6.2 Kaedah Tematik	64
3.7 Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen	64
3.7.1 Kesahan Kajian Kualitatif	65
3.8 Kesimpulan	66
<b>4 ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN</b>	<b>67</b>
4.1 Pengenalan	67
4.2 Latar Belakang Responden	68
4.3 Dapatan Kajian	68
4.3.1 Konsep Hukuman Pemulihan	69

4.3.1.1 Asas-asas Hukuman Pemulihan	72
4.3.1.2 Aspek Hukuman Pemulihan	76
4.3.1.3 Matlamat Hukuman Pemulihan	87
 4.3.2 Bentuk-Bentuk Hukuman Pemulihan Menurut Perundangan Islam di Negeri Johor.	 88
4.3.2.1 Penahanan Institusi dalam Perundangan Islam	89
4.3.2.2 Bentuk Hukuman Penahanan Institusi dalam Perundangan Jenayah Johor	94
4.3.2.3 Perintah Khidmat Masyarakat Dalam Perundangan Islam	101
4.3.2.4 Bentuk Perintah Khidmat Masyarakat Dalam Perundangan Syariah Johor	107
 4.3.3 Pelaksanaan Hukuman Pemulihan Menurut Undang-Undang Jenayah Syariah Johor	 112
4.3.3.1 Bidang kuasa Mahkamah Syariah Dalam Perlembagaan Persekutuan	112
4.3.3.2 Sejarah Penubuhan Mahkamah Syariah Johor	116
4.3.3.3 Bidang kuasa Jenayah Mahkamah Syariah	119
4.3.3.4 Bidang kuasa Mahkamah Syariah Johor	120
4.3.3.5 Kaedah Pelaksanaan Hukuman Pemulihan Menurut Undang-Undang Jenayah Syariah Johor.	125
4.3.3.6 Laporan Kes Berkenaan Hukuman Pemulihan	128
 4.3.4 Prospek Pelaksanaan Hukuman Pemulihan Yang Lebih Menyeluruh	 130
4.3.4.1 Ruang Bagi Pindaan Peruntukan	130
4.3.4.2 Peluang Kebaikan Dalam Melaksanakan Hukuman Pemulihan.	135
4.3.4.3 Cabaran Dalam Melaksanakan Hukuman Pemulihan	138
4.3.4.3 Peluang Melaksanakan Modul Kerohanian, Sahsiah Diri dan Modul Khidmat Masyarkat.	142
 4.4 Penutup	 143

<b>5 RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN</b>	<b>144</b>
5.1 Pengenalan	144
5.2 Rumusan Kajian	144
5.3 Perbincangan	146
5.3.1 Konsep Hukuman Pemulihan Menepati Hukum Syarak.	146
5.3.2 Terdapat Bentuk-Bentuk Hukuman Pemulihan Dalam Perundangan Islam Negeri Johor.	147
5.3.3 Terdapat Peruntukan Undang-Undang Yang Menjelaskan Pelaksanaan Hukuman Pemulihan	149
5.3.4 Terdapat Prospek yang Jelas Dalam Melaksanakan Hukuman Pemulihan pada masa akan datang.	151
5.4 Cadangan	153
5.4.1 Menambah Beberapa Peruntukan Hukuman Pemulihan dalam Undang-Undang.	154
5.4.2 Mewujudkan Satu Peraturan Khusus bagi Hukuman Pemulihan	156
5.4.3 Menaiktaraf Bahagian Pelaksanaan Hukuman Pemulihan di Johor	163
5.4.4 Mewujudkan Satu Institusi Tahanan Syariah di Johor	165
5.5 Kesimpulan	166
<b>BIBLIOGRAFI</b>	<b>168</b>
Lampiran	178-184

## **SENARAI JADUAL**

<b>NO.JADUAL</b>	<b>TAJUK</b>	<b>HALAMAN</b>
1.1	Statistik Kes Kesalahan Jenayah Syariah Mengikut Jenis Kesalahan di bawah EKJSNJ 1997 bagi tahun 2012, 2013 dan 2014	4
4.1	Latar Belakang Pegawai Mahkamah	68
4.2	Jenis Kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 55 EKJSNJ 1997	96
4.3	Jenis Kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 56 EKJSNJ 1997	97
4.4	Jenis Kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 97 (2) b ETJSNJ 2003	99
4.5	Jenis Kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 128 (1) & 129 ETJSNJ 2003	110

## **SENARAI STATUT**

Perlembagaan Persekutuan

Akta Mahkamah Syariah (Bidangkuasa Jenayah) 1965 (Akta 355)

Arahan Amalan, Mahkamah Syariah No. 16 Tahun 2007

Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor) 2003 (En. 16/03)

Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Johor) 2003 (En. 19/03)

Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Negeri Johor) 1997 (En. 4/97)

Enekmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Johor) 2003 (En. 18/03)

Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Johor) 2003 (En. 17/03)

**SENARAI KES**

<b>NO.</b>	<b>SENARAI KES</b>	<b>HALAMAN</b>
1.	Pendakwa Syarie <i>lwn.</i> Sakinah binti Mohd Nazir. No. Kes (01003-143-0401-2011).	128
2.	Pendakwa Syarie <i>lwn.</i> Misni bin Tokiman. No. Kes (01002-138-0135-2011).	129

## **SENARAI SINGKATAN**

<b>JKSM</b>	- Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
<b>JKSNJ</b>	- Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Johor
<b>JAIJ</b>	- Jabatan Agama Islam Johor
<b>MAIJ</b>	- Majlis Agama Islam Negeri Johor
<b>No</b>	- Nombor
<b>Hlm</b>	- Halaman
<b>Bil.</b>	- Bilangan
<b>UKM</b>	- Universiti Kebangsaan Malaysia
<b>JAKIM</b>	- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
<b>R</b>	- Responden
<b>UTM</b>	- Universiti Teknologi Malaysia
<b>UM</b>	- Universiti Malaya
<b>EKJSNJ</b>	- Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri Johor
<b>EPAINJ</b>	- Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Johor
<b>ETJSNJ</b>	- Enakmen Tatacara Jenayah Syariah Negeri Johor
<b>P</b>	Partisipan

## **SENARAI LAMPIRAN**

<b>NO.LAMPIRAN</b>	<b>NAMA LAMPIRAN</b>	<b>HALAMAN</b>
A	Surat Permohonan Mendapatkan Maklumat Kajian	178
B	Surat Maklum Balas Permohonan Temu bual	179
C	Contoh Surat Pengesahan Temu bual Dari Responden	180
D	Contoh Teks Temu bual untuk Hakim-Hakim Syarie & Ketua Pendaftar	181
E	Contoh Teks Temu bual untuk Ketua Pendakwa Syarie Negeri Johor	182
F	Contoh Teks Temu bual untuk Ketua Pegawai Penguatkuasa Agama Negeri Johor	183
G	Maklumat Kajian	184

## **BAB 1**

### **PENGENALAN**

#### **1.1 PENDAHULUAN**

Hukuman pemulihan yang terdapat dalam undang-undang jenayah Negeri Johor ini merupakan suatu hukuman yang selain daripada hukuman yang telah ditetapkan dalam Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri Johor 1997. Dalam undang-undang jenayah syariah di Negeri Johor terdapat dua bentuk hukuman yang boleh diklasifikasikan sebagai hukuman pemulihan iaitu perintah khidmat masyarakat dan tahanan institusi. Isu utama kajian hukuman pemulihan ini dikaji adalah kerana ramai dalam kalangan pegawai mahkamah khususnya di Negeri Johor yang terlepas pandang dalam meneliti konsep hukuman pemulihan serta ramai dalam kalangan Hakim Syarie Negeri Johor yang jarang membuat penghakiman berkenaan hukuman pemulihan kepada pesalah. Terdapat empat isu utama dalam kajian ini iaitu pendirian hukuman syarak tentang hukuman pemulihan yang hendak dikaji. Selain itu, ketidakjelasan bentuk-bentuk hukuman pemulihan dalam undang-undang jenayah syariah di Negeri Johor dan kecaburan dalam melaksanakan hukuman pemulihan tersebut. Selain itu, permasalahan berkaitan prospek pelaksanaan hukuman pemulihan pada masa akan datang. Rasionalnya kajian ini mahu dikaji adalah kerana ianya masih belum terdapat lagi kajian berkisar tentang hukuman pemulihan khusus Negeri Johor dan pengkaji ingin mengenalkan kepada pegawai mahkamah di Negeri Johor bahawa hukuman permulihan ini ada terdapat dalam undang-undang iaitu Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Negeri Johor) 1997 dan Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Johor) 2003.

## 1.2 LATAR BELAKANG MASALAH

Dalam sistem perundangan Islam di Negeri Johor, terdapat undang-undang yang mengkhususkan kepada kesalahan jenayah sahaja iaitu Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri Johor 1997. Enakmen ini ada menyenaraikan pelbagai kesalahan yang telah diletakkan di bawah bidang kuasa Mahkamah Syariah. Secara umumnya kesalahan-kesalahan tersebut boleh dibahagikan kepada empat bahagian iaitu kesalahan yang berhubungan dengan aqidah, kesalahan yang berhubungan dengan kesucian agama Islam dan Institusinya, kesalahan yang berhubungan dengan kesusilaan dan kesalahan pelbagai.

Bahagian yang pertama iaitu kesalahan yang berhubungan dengan aqidah merangkumi kepada empat kesalahan sahaja iaitu pemujaan salah (fasal 3), doktrin palsu (fasal 4) dan mengembangkan doktrin agama (fasal 5) serta dakwaan palsu fasal 6 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1997. Bahagian kedua iaitu kesalahan yang berhubungan dengan kesucian agama Islam dan Institusinya, ia merangkumi 13 kesalahan iaitu menghina atau menyebabkan agama Islam dipandang hina, dll (fasal 7), mempersendakan ayat al-Quran atau al-Hadith (fasal 8), menghina atau mengingkari arahan pihak berkuasa agama (fasal 9), mengingkari perintah Mahkamah (fasal 10), mengajar agama tanpa tauliah (fasal 11), pendapat yang bertentangan dengan fatwa (fasal 12), penerbitan agama yang bertentangan dengan hukuam syarak (fasal 13), tidak menunaikan sembahyang Jumaat (fasal 14), tidak menghormati bulan Ramadhan (fasal 15), tidak membayar zakat atau fitrah (fasal 16), menghasut supaya mengabaikan kewajipan agama (fasal 17) dan berjudi (fasal 18) serta minuman yang memabukkan iaitu fasal 19 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1997.

Bahagian ketiga iaitu kesalahan yang berhubungan dengan kesusilaan, ia merangkumi kepada 10 fasal, fasal yang pertama dari bahagian ini adalah perbuatan sumbang mahram (fasal 20), pelacuran (fasal 21), muncikari (fasal 22), persetubuhan luar nikah (fasal 23), perbuatan sebagai persediaan untuk melakukan persetubuhan luar nikah (fasal 24), liwat (fasal 25), Musahaqah (fasal 26), khalwat (fasal 27) dan orang lelaki berlagak seperti perempuan (fasal 28) serta perbuatan tidak sopan di tempat awam (fasal 29). Bahagian keempat berhubungan dengan kesalahan pelbagai,

ia merangkumi 13 jenis kesalahan, kesalahan yang pertama memberikan keterangan, maklumat atau pernyataan palsu (fasal 30), takfir (fasal 31), memusnahkan atau mencemarkan masjid atau surau (fasal 32), pemungutan zakat atau fitrah tanpa kuasa (fasal 33), pembayaran tak sah akan zakat atau fitrah (fasal 34), menggalakkan maksiat (fasal 35), memujuk lari perempuan bersuami (fasal 36), menghalang pasangan yang sudah bernikah daripada hidup sebagai suami isteri (fasal 37), menghasut suami atau isteri supaya bercerai atau mengabaikan kewajipan (fasal 38) memujuk lari orang perempuan (fasal 39), menjual atau memberikan anak kepada orang bukan Islam (fasal 40) dan qazaf (fasal 41) serta penyalahgunaan tanda halal (fasal 42) di bawah enakmen yang sama. (EKJSNJ, 1997)

Walaupun penguatkuasaan undang-undang telah dibuat oleh pemerintah seperti Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Negeri Johor 1997 dan Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Johor) 2003, namun masalah gejala sosial di negeri dan negara ini seolah-oleh tiada titik noktah, hari demi hari kita dikejutkan didada akhbar dengan bermacam-macam masalah seperti pembuangan anak, minum arak, berkhawat dan lain-lain. Ini disebabkan dari beberapa faktor yang menyumbang berlakunya masalah tersebut seperti pertambahan penduduk, kepesatan pembangunan dan kemajuan dalam era dunia tanpa sempadan telah banyak menyumbang kepada peningkatan masalah sosial khususnya dalam kes-kes jenayah, terutamanya di kalangan remaja masa kini. Dalam konteks undang-undang sivil di Malaysia, kebiasaanya pesalah-pesalah yang disabitkan dengan sesuatu kesalahan jenayah akan dikenakan hukuman denda atau penjara atau kedua-duanya sekali (Mahamad Naser, 2012).

Perkara ini dibuktikan dengan statistik yang telah dikeluarkan oleh Bahagian Penguatkuasaan, Jabatan Agama Islam Johor. Ini merupakan statistik kesalahan jenayah syariah melibatkan kesalahan-kesalahan jenayah syariah di bawah Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Negeri Johor 1997). Tujuan pengkaji untuk memaparkan statistik ini adalah kerana ingin melihat keseriusan gejala sosial yang berlaku di Negeri Johor walaupun terdapat hukuman-hukuman setiap kesalahan tertentu. Berikut adalah statistik kesalahan jenayah syariah yang dilaporkan bagi tahun 2012 dan 2014 bagi Negeri Johor sahaja.

*Jadual 1.1 Statistik Kes Kesalahan Jenayah Syariah Mengikut Jenis Kesalahan di bawah Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri Johor 1997 bagi tahun 2012, 2013 dan 2014*

Bil	Kod Kes	No. Seksyen	Jenis Kes	2012	2013	2014	Jumlah
1	143	27	Khalwat	408	665	735	<b>1808</b>
2	142	23	Persetubuhan Luar Nikah	79	297	240	<b>616</b>
3	138	18	Berjudi	6	85	65	<b>156</b>
4	139	19	Minuman Yang Memabukkan	11	7	41	<b>59</b>
5	159	28	Orang Lelaki Berlagak seperti Perempuan	-	4	1	<b>5</b>
6	112	29	Perbuatan tidak sopan di tempat awam	3	7	9	<b>19</b>
7	160	20	Perbuatan Sumbang Mahram	1	1	2	<b>4</b>
8	122	26	Musahaqah	2	-	2	<b>4</b>
			<b>Jumlah</b>	<b>510</b>	<b>1066</b>	<b>1095</b>	<b><u>2671</u></b>

*Sumber: Unit Operasi, Bahagian Penguatkuasaan, Jabatan Agama Islam Negeri Johor (JAIJ).*

Jadual 1.1 memaparkan statistik kes tangkapan kesalahan jenayah syariah Negeri Johor dari tahun 2012 sehingga tahun 2014 . Tangkapan yang paling banyak dilakukan adalah kesalahan khalwat sebanyak 408 kes yang telah berlaku pada tahun 2012. Kemudian meningkat pada tahun berikutnya sebanyak 257 kes (23.95%) iaitu 665 kes. Pada tahun berikutnya kesalahan yang sama terus meningkat sebanyak 70 kes (5%) iaitu 735 kes yang dinyatakan pada tahun 2014. Berkaitan dengan kes Persetubuhan Luar Nikah pula, bagi tahun 2012 sebanyak 79 kes yang telah dilaporkan ke Bahagian Penguatkuasaan, Jabatan Agama Johor dan semua unit Penguatkuasaan, Pejabat Kadi Daerah di seluruh Negeri Johor. Antara jabatan-jabatan kerajaan yang selalu memberikan aduan adalah Unit Undang-undang syarak, Pejabat Kadi Daerah di seluruh Negeri Johor dan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) daerah-daerah serta hospital-hospital kerajaan di sekitar Negeri Johor. Perbezaan

antara tahun 2013 dan tahun 2012 ialah 218 kes (57.98%) dari 79 kes kepada 297 kes. Pada tahun 2014 penurunan telah berlaku sebanyak 57 kes (10.61%) adalah 240 kes sahaja berbanding dan tahun sebelumnya.

Bagi kesalahan berjudi pula, antara premis-premis tangkapan yang selalu diserbu ialah Sport Toto, Magnum 4 Digit, Pan Sweep dan lain-lain lagi. Kes judi adalah semakin meningkat kepada 79 kes (93.40%) iaitu dari 6 kes pada tahun 2012 kepada 85 kes pada tahun 2013.. Penurunan telah berlaku pada tahun berikutnya iaitu pada tahun 2014 sebanyak 20 kes (13.33%). Seterusnya, kesalahan minuman yang memabukkan atau bahasa yang mudah difahami ialah meminum arak. Berdasarkan statistik pada tahun 2012 sebanyak 11 kes telah dikenalpasti. Statistik kesalahan minuman yang memabukkan ini telah menurun sebanyak 4 kes (38.89%) menjadi 7 kes sahaja. Pada tahun 2014 berlaku peningkatan yang sangat drastik iaitu sebanyak 34 kes (82.35%). Statistik kes tangkapan bagi orang lelaki berlagak seperti perempuan dan lebih dikenali sebagai Pondan. Pada tahun 2012 tiada sebarang tangkapan yang dibuat dan berbeza pada tahun yang berikutnya iaitu sebanyak 4 kes tangkapan yang telah dibuat pada tahun 2013. Bagi tahun 2014 pula, terdapat 1 kes tangkapan sahaja.

Kesalahan jenayah syariah bagi kesalahan perbuatan tidak sopan ditempat awam adalah seperti bercumbu-cumbuan, berpegang-pegangan tangan, berpelukan dan kelakuan yang kurang sopan di tempat awam seperti di taman-taman rekreasi, air terjun, tepian pantai dan tempat yang selalu menjadi tumpuan orang awam. Menurut statistik terdapat perbezaan sebanyak 4 kes antara tahun 2013 iaitu 3 kes pada tahun 2012 dan 7 kes tahun 2013. Kes kesalahan jenayah perbuatan tidak sopan di tempat awam pada tahun 2014 meningkat lagi sebanyak 2 kes (12.5%) iaitu sebanyak 9 kes tangkapan yang telah dilakukan. Bagi kesalahan perbuatan sumbang mahram, paling banyak kes ini dapat dikesan di sekolah kerana pelajar akan menunjukkan perubahan dari segi fizikal dan mental seperti mengandung luar nikah, kecederaan dan kemurungan. Kebiasaan sumbang mahram ini dilakukan oleh bapa, abang, datuk dan bapa. Pada tahun 2012 hanya 1 kes sahaja yang telah dilaporkan. Begitu juga pada tahun 2013. Sebanyak 2 kes tangkapan yang telah dibuat pada tahun 2014. Terakhir sekali bagi kes kesalahan jenayah lesbian dalam Islam disebut sebagai *musahaqah*, iaitu melakukan sesuatu perbuatan untuk memuaskan nafsu seks di antara

perempuan dengan perempuan. Pada tahun 2012 sebanyak 2 kes tangkapan telah dilakukan berdasarkan aduan orang awam. Pada tahun 2013 tiada sebarang tangkapan dibuat dan pada tahun 2014 sebanyak 2 tangkapan telah dibuat.

Pesalah tidak akan insaf dan akan terus melakukan kesalahan yang sama sekiranya hukuman tidak dilaksanakan dengan sempurna. Hukuman denda yang telah dihukumkan oleh Mahkamah Syariah ke atas pesalah seringkali dianggap tidak memberi kesan untuk memberi pengajaran kepada pesalah. Hal ini kerana, hukuman denda seringkali dapat diselesaikan oleh pesalah-pesalah yang mempunyai kemampuan dari sudut kewangan untuk membayar kadar denda yang telah ditetapkan oleh Mahkamah Syariah. Ia juga mungkin tidak dapat menimbulkan rasa keinsafan dalam diri pesalah terhadap kesalahan yang dilakukan. Sekiranya hukuman tersebut dapat memberi kesedaran kepada pesalah, ia melibatkan pesalah itu sendiri sahaja dan tidak dapat memberi iktibar kepada masyarakat secara umumnya. Berdasarkan kepadauraian sebelum ini, pengkaji telah meneliti empat pernyataan masalah iaitu permasalahan berkaitan pendirian hukum syarak terhadap konsep hukuman pemulihan dalam perundangan Islam. Kedua, ketidakjelasan mengenai bentuk-bentuk hukuman pemulihan dalam perundangan Islam di Negeri Johor. Ketiga, pula ialah kecaburan dalam melaksanakan hukuman pemulihan di negeri Johor. Seterusnya adalah berkaitan tentang prospek pelaksanaan hukuman pemulihan di negeri Johor.

### **1.2.1. Permasalahan Berkaitan Pendirian Hukum Syarak Terhadap Konsep Hukuman Pemulihan Dalam Perundangan Islam**

Dalam sistem undang-undang jenayah syariah, konsep hukuman pemulihan ini tidak banyak dibincangkan ataupun diberikan tumpuan serta perhatian oleh pengamal undang-undang, hukuman pemulihan ini membabitkan kepada pesalah akidah dan moral sahaja sedangkan ia boleh menjadi satu medium dalam memperbetulkan akhlak yang mana ia tidak akan dapat direalisasikan kalau hukuman biasa iaitu penjara, denda dan sebat di kenakan kepada pesalah (Siti Zubaidah, 2011). Oleh itu, sesuatu hukuman pemulihan perlu diwujudkan dalam

mengatasi masalah gejala sosial yang tidak terkawal pada masa kini dan perintah pemulihan yang diberikan oleh Mahkamah Syariah sekarang ini boleh dikategorikan sebagai hukuman takzir (Mahamad Naser, 2011). Selain itu, dalam konteks pengamalan berkenaan hukuman dalam bentuk ini di Mahkamah Syariah, ianya masih lagi tidak menjadi isu yang sangat diberi perhatian (Jasri, 2014). Dalil hukum syarak berkenaan hukuman pemulihan ini masih belum lihat secara teliti (Sahul Hamid, 2016).

### **1.2.2. Ketidakjelasan Mengenai Bentuk-Bentuk Hukuman Pemulihan Dalam Perundangan Islam di Negeri Johor**

Selain itu, skop hukuman takzir yang terdapat di dalam Islam tidak seharusnya dibataskan kepada denda, sebatan dan pemenjaraan sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Perkara 2 Akta Mahkamah Syariah (Bidang kuasa Jenayah) 1965 [Akta 355]. Selain itu, dalam undang-undang jenayah syariah terdapat beberapa bentuk hukuman yang bercirikan pemulihan, sebagaimana yang telah diberikan oleh Mahkamah Syariah yang bidang kuasa di negeri-negeri sebagai alternatif disamping hukuman sedia ada iaitu bersifat denda, sebatan dan pemenjaraan (Abdul Shukor, 2011). Bentuk-bentuk hukuman alternatif di peringkat Mahkamah Syariah masih belum dijadikan satu topik perbincangan samada di peringkat negeri atau kebangsaan (Jasri, 2014). Namun begitu, terdapat beberapa ruang kebebasan yang diperuntukan oleh undang-undang yang mana Hakim Syarie boleh dibenarkan keluar dari kebiasaan apabila membuat satu keputusan bersabit hukuman. Sesuatu yang telah tersedia ada di dalam peruntukan undang-undang syariah, tetapi tidak popular dari segi amalan atau penggunaan, ia boleh dianggap sebagai *legitimate judicial innovation* (Siti Zubaidah, 2011).

### **1.2.3. Kekaburan Dalam Melaksanakan Hukuman Pemulihan di Negeri Johor.**

Hukuman pemulihan ini masih lagi belum dilihat secara meluas pelaksanaanya di Mahkamah Syariah berbanding pelaksanaanya di Mahkamah Sivil, hal ini menyebabkan pengamal undang-undang di Mahkamah Syariah kurang terdedah mengenai perkara tersebut (Marzuki, 2011). Sebagaimana kita maklum bahawa terdapat banyak pusat pemulihan akhlak di negara kita namun tidak dapat dinafikan pusat pemulihan akhlak yang diwartakan di Wilayah Persekutuan atau di negeri-negeri sebagai tempat melaksanakan perintah pemulihan di bawah bidangkuasa Mahkamah Syariah amatlah terhad. Sesetengah kes Mahkamah Syariah yang diputuskan dengan perintah pemulihan tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya oleh sesetengah pusat pemulihan akhlak di negeri-negeri kerana bidangkuasa yang terhad (Ahmad Basyir, 2014). Menurut Y.A Tuan Haji Muhammad Khaldun (2016), menyatakan bahawa bidang kuasa yang ada sekarang masih lagi tidak jelas perlaksanaannya serta peruntukan undang-undang berkaitan pemulihan setakat ini masih lagi belum di amalkan secara menyeluruh di Negeri Johor. Sekiranya hukuman pemulihan ini diperintahkan oleh mahkamah untuk melaksanakannya, pihak penguatkuasa agama yang bertindak seperti polis dalam melaksanakan hukuman tersebut tidak mengetahui cara bagaimana untuk menguruskan pesalah dalam menjalani perintah pemulihan dan ia juga tiada tempat yang sesuai terhadap pesalah dalam menjalani hukuman tersebut, hal ini menyebabkan pihak penguatkuasa tidak berani untuk melaksanakan hukuman tersebut.

### **1.2.4 Permasalahan Berkaitan Prospek Pelaksanaan Hukuman Pemulihan di Negeri Johor.**

Buat masa ini Hakim Syarie cenderung kepada peruntukan undang-undang yang menetapkan had hukuman yang boleh dihukumkan kepada pesalah (Siti Zubaidah, 2011). Selain itu, hakim syarie juga tidak didedahkan secara berleluasa cara bagaimana untuk menjatuhkan hukuman pemulihan kepada pesalah (Mahamad Naser, 2012) Selain itu, permasalahan ini timbul sekiranya penguatkuasaan undang-undang kurang berkesan, kelemahan penguatkuasaan undang-undang menjadi salah

satu punca kepada gejala sosial yang sekarang ini masih berleluasa sebagai contoh saban hari masyarakat didedahkan melalui media massa dengan berita-berita mengenai serbuan dan tangkapan yang dibuat ke atas wanita-wanita yang terlibat dengan pelacuran, aktiviti-aktiviti yang tidak bermoral dan sebagainya, adakalanya beberapa tangkapan telah dibuat berulang kali terhadap pesalah yang sama, ditempat yang sama atau di premis yang sama, seolah-olah tangkapan tersebut lansung tidak memberi kesan kepada pemilik premis dan pihak-pihak lain yang berkaitan (Mohd Nadzri, 2014).

Selain itu, kelemahan dalam perlaksanaan hukuman terhadap peruntukan yang sediada, di mana hukuman yang dijatuhkan kepada pesalah kurang memberi kesan dari segi keinsafan, khususnya dalam kes-kes yang melibatkan kesalahan jenayah syariah, sebagai contoh, hukuman denda kes-kes kesalahan jenayah syariah menlingkungi antara satu ribu ringgit hingga lima ribu ringgit sahaja dan kebanyakannya hakim menjatuhkan hukuman pada kadar yang lebih rendah dari apa yang diperuntukan dalam akta atau enakmen negeri selepas mengambil kira rayuan tertuduh (Ahmad Basyir, 2014). Sekiranya mahkamah menjatuhkan hukuman denda, kebiasaannya pesalah mampu membayar denda tersebut dengan jumlah yang ditetapkan oleh mahkamah, hukuman sedemikian kurang memberi kesan dan pengajaran serta mencegah orang lain dari melakukannya berulang kali, hukuman sedemikian juga boleh menjadi bahan kritikan orang ramai. Akibatnya matlamat untuk membentras jenayah syariah tidak tercapai (Ahmad Basyir, 2014). Kadar hukuman yang dikenakan kepada pesalah syariah adalah lebih rendah jika dibandingkan dengan hukuman di Mahkamah Sivil menyebabkan masyarakat tidak merasa gerun pada hukuman mahkamah syariah (Ahmad Basyir, 2014).

Selain itu juga, pesalah syariah yang telah disabitkan di bawah kesalahan jenayah Syariah dan keluarga Islam yang dikenakan hukuman penjara, mereka akan ditempatkan bersama-sama dengan banduan-banduan lain kerana tiada penjara khusus yang disediakan untuk pesalah-pesalah syariah ini. Hal ini menyebabkan kesesakan di dalam penjara kerana penjara merupakan tempat untuk menjalani hukuman dan menebus kesalahan tanpa mengira jenis kesalahan. Untuk itu, tidak dapat dinafikan juga bahawa hukuman pemenjaraan dalam sesetengah keadaan, dapat meninggalkan kesan negatif yang mendalam bukan sahaja ke atas individu itu

terbabit, tetapi juga kepada keluarga dan masyarakat. Antara kesan negatif yang timbul ialah ia dapat merenggangkan hubungan kekeluargaan, menyukarkan bekas banduan mendapatkan pekerjaan serta menyukarkan bekas banduan diterima dan mendapat tempat dalam masyarakat (Mahamad Naser, 2012). Menurut Y.A Shalrulnizam (2016) punca masalah adalah kerana tiada ada peruntukan yang jelas serta tiada pihak yang melaksanakan hukuman tersebut. Hal ini menunjukkan bahawa hukuman-hukuman tersebut tidak dapat menyedarkan pesalah daripada melakukan kesilapan, sedangkan dalam Islam hukuman perlu diambil berat kepada pesalah supaya pesalah tidak mengulangi lagi.

Bertitik tolak dari permasalahan ini, maka pengkaji cenderung untuk membuat kajian dan penyelidikan serta membincangkan tentang konsep, bentuk-bentuk hukuman dan pelaksanaan serta prospeknya yang dibenarkan dalam undang-undang. Penulis telah memilih Mahkamah Syariah di Negeri Johor dan Bahagian Pendakwaan serta Bahagian Penguatkuasaan, Jabatan Agama Islam Johor khususnya sebagai badan yang berkaitan dalam melaksanakan hukuman tersebut.

### **1.3 PERNYATAAN MASALAH**

Sebarang kekurangan dan kelompongan hukuman dalam sesuatu sistem perundangan syariah boleh dimantapkan lagi. Sehubungan dengan itu, kajian ini memilih hukuman pemulihan dalam Islam sebagai kerangka untuk menaikkan taraf hukuman tersebut. Ini kerana tumpuan kajian adalah mencari pendirian hukum syarak terhadap konsep hukuman pemulihan dalam Islam. Selain itu, ketidakjelasan mengenai bentuk-bentuk hukuman pemulihan dalam Perundangan Islam di Negeri Johor dan kecaburan dalam melaksanakan hukuman pemulihan di Negeri Johor serta permasalahan berkaitan tentang prospek pelaksanaan hukuman pemulihan di Negeri Johor.

Perundangan Islam menawarkan konsep hukuman yang bersifatkan pemulihan terhadap pesalah yang diistilahkan sebagai hukuman pemulihan tetapi kurang diamalkan di Mahkamah Syariah khusus di Negeri Johor. Maka,

perbincangan berkenaan hukuman yang terdapat dalam syariah serta hukuman pemulihan yang ditawarkan ialah suatu yang relevan untuk dikupas. Tambahan lagi, terdapat hukuman atau perintah pemulihan yang diperuntukan dalam Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Johor) 2003 dan Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri Johor 1997 bersesuaian dengan syariah, seperti tahanan di pusat pemulihan dan sebagainya.

#### **1.4 PERSOALAN KAJIAN**

- 1.4.1 Apakah konsep hukuman pemulihan dalam Islam?
- 1.4.2 Apakah bentuk-bentuk hukuman pemulihan dari sudut perundangan Islam di Negeri Johor?
- 1.4.3 Bagaimanakah pelaksanaan hukuman pemulihan dalam perundangan Islam di Negeri Johor?
- 1.4.4 Sejauhmana prospek pelaksanaan hukuman pemulihan yang lebih menyeluruh?

#### **1.5 OBJEKTIF KAJIAN**

- 1.5.1 Mengenalpasti konsep hukuman pemulihan dalam Islam.
- 1.5.2 Menganalisis bentuk-bentuk hukuman pemulihan dari sudut perundangan Islam di Negeri Johor
- 1.5.3 Mengkaji pelaksanaan hukuman pemulihan dalam perundangan Islam di Negeri Johor.
- 1.5.4 Mengenalpasti prospek pelaksanaan hukuman pemulihan yang lebih menyeluruh.

## 1.6 KEPENTINGAN KAJIAN

Memahami falsafah hukuman pemulihan adalah penting kerana ia terdapat peruntukan hukuman pemulihan di dalam undang-undang jenayah syariah di Negeri Johor dan juga terdapat kaedah pelaksanaan hukuman tersebut. Justeru itu, kekaburangan dari sudut perundangan sedia ada yang sedang diamalkan seperti, bentuk-bentuk hukuman dan cara pelaksanaan perlu dikaji semula.

Sehingga kini tiada kajian seperti ini dilakukan untuk membantu dalam memberi maklumat kepada Jabatan Agama Islam Johor dan Mahkamah Syariah Negeri Johor khususnya mengenai hukuman pemulihan dari segi perspektif fuqaha dan menjelaskan bentuk-bentuk hukuman pemulihan serta pelaksanaan hukuman ini. Hasil kajian secara umumnya dapat menambah maklumat kepada pihak-pihak yang berautoriti seperti Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Johor, Jabatan Agama Islam Negeri Johor, Peguam Syarie Negeri Johor, Hakim Mahkamah Syariah dan Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAIJ) dalam merealisasikan pelaksanaan hukuman pemulihan ini di Negeri Johor.

### 1.6.1 Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Johor

Hasil daripada kajian tentang hukuman pemulihan ini diharapkan dapat membantu pihak-pihak yang berkaitan khususnya Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Johor (JKSNJ) dalam memperkasakan program kajian mengenai sistem kehakiman syariah yang bertepatan dengan kemajuan umat Islam di Negeri Johor. Oleh itu, JKSNJ boleh bergerak dalam menuju tenaga fikir yang boleh melahirkan satu kerangka perundangan syariah mengenai hukuman pemulihan terhadap pesalah di Mahkamah Syariah.

Persefahaman daripada pihak Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) diperlukan supaya kerangka perundangan Islam ini selari dengan kehendak masyarakat dan bersesuaian dengan keadaan terkini di Negeri Johor. JKSNJ dengan kerjasama JKSM perlu melakukan satu program penerangan khusus mengenai

kerangka hukuman pemulihan dalam perundangan Islam. Kawasan program untuk penerangan kursus boleh dibuat Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM), Institut Latihan Kehakiman Dan Perundangan (ILKAP) dan sebagainya.

### **1.6.2 Jabatan Agama Islam Johor**

Penyelidikan ini juga dapat membantu memberi maklumat baru berkenaan hukuman pemulihan serta dapat membantu Jabatan Agama Islam Johor (JAIJ) melalui bahagian undang-undang syarak dalam menilai, mengubal atau mewujudkan serta menyeragamkan undang-undang Islam di Negeri Johor. JAIJ boleh bertindak dalam memberi arahan kepada Bahagian Penguatkuasaan untuk bersedia dalam melakukan gerak kerja bagi membendung masalah sosial yang dilakukan khususnya kesalahan jenayah syariah yang dilakukan oleh pesalah.

Bahagian pendakwaan JAIJ akan mendapat manfaat sekiranya kajian ini berhasil, ini kerana ia dapat membantu pihak Pendakwa Syarie dalam persediaan memulakan prosiding di Mahkamah Syariah serta memohon kepada mahkamah satu hukuman pemulihan ke atas pesalah berdasarkan bentuk-bentuk hukuman pemulihan yang akan dijelaskan dalam kajian ini.

### **1.6.3 Persatuan Peguam Syarie**

Penyelidikan ini adalah untuk membantu pihak Peguam Syarie dalam menyampaikan maklumat terbaru dari hasil kajian yang sejajar dengan Peguam Syarie Negeri Johor sebagai pusat rujukan utama perundangan khususnya perundangan Islam. Peguam Syarie boleh menuhuhan satu jawatankuasa khas dalam meneliti serta melantik individu yang berkepentingan sebagai pemudah cara untuk menyampaikan maklumat terbaru berkaitan kerangka perundangan Islam ini kepada orang awam dan kerajaan negeri Johor.

#### **1.6.4 Hakim Mahkamah Syariah**

Penyelidikan ini adalah sebagai maklumat yang terkini supaya para Hakim Syarie di Mahkamah Syariah khususnya di Negeri Johor ini dapat meneliti dan mantafsir semula undang-undang Islam dalam skop yang lebih luas seperti latar belakang, watak, umur dan sebagainya yang boleh dikenakan hukuman pemulihan. Selain itu, ia dapat membantu para Hakim Syarie supaya beliau dapat melaksanakan hukuman pemulihan sejajar dengan undang-undang.

#### **1.6.5 Majlis Agama Islam Johor (MAIJ)**

Majlis Agama Islam Johor (MAIJ) sebagai Institusi Islam yang terbesar di negeri ini mampu untuk merangka satu peraturan khusus mengenai hukuman pemulihan sebagaimana di Mahkamah Sivil, ini kerana sekiranya peraturan ini di wujudkan, ia dapat membantu banyak pihak yang terlibat seperti Hakim Syarie, Pendakwa Syarie, Pengawai Penguatkuasa Agama, dan Penolong Pendaftar dalam melihat tatacara atau prosuder untuk melaksanakan hukuman tersebut kepada pesalah, ia juga boleh dijadikan sebagai panduan dan rujukan undang-undang seiring dengan enakmen yang sedia ada.

Selain itu, peraturan yang akan diwujudkan ini bukan sahaja menyokong sistem undang-undang jenayah syariah yang sedia ada, bahkan menambah baik lagi sistem undang-undang Islam di Negeri Johor. Oleh itu, peraturan hukuman pemulihan ini boleh dianggap sebagai kayu pengukur kepada pengamal undang-undang Islam di negeri ini untuk melaksanakan hukuman tersebut dengan lebih tersusun dan teratur serta barulah bimbingan yang tepat dapat diberikan kepada pesalah untuk memulihkan mereka menjadi insan yang sempurna selaras dengan kehendak Islam.

## 1.7 BATASAN KAJIAN

Kajian ini akan membincangkan mengenai konsep hukuman dan pemulihan dalam Islam berdasarkan kepada al-Quran dan as-Sunnah serta pandangan-pandangan ulama fiqh. Selain itu, dijelaskan juga secara terperinci bentuk-bentuk hukuman pemulihan menurut Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Negeri Johor) 1997 dan Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Johor) 2003. Tatacara dan prosuder pelaksanaan turut dihuraikan secara umum berlandaskan kepada peruntukan Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Johor) 2003. Oleh itu, hasil kajian ini juga dapat melihat sajauhmana prospek pelaksanaan hukuman pemulihan di institusi Islam Negeri Johor. Kajian ini hanya memfokuskan kepada undang-undang jenayah syariah di Negeri Johor sahaja.

Selain itu juga, kajian ini tidak membincangkan mengenai peruntukan undang-undang Islam di negeri-negeri lain di Malaysia yang berkisar mengenai hukuman pemulihan, kajian ini hanya tertumpu kepada Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Negeri Johor) 1997 dan Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Johor) 2003 sahaja. Selain itu, kajian ini tidak menghuraikan aplikasi pesalah setelah menjalani hukuman pemulihan di Negeri Johor serta kajian ini juga tidak menerangkan secara terperinci modul pelaksanaan dalam setiap bentuk hukuman pemulihan setelah pesalah diperintah menjalani hukuman tersebut.

## 1.8 DEFINISI ISTILAH

### 1.8.1 Hukuman Pemulihan

Terdapat beberapa istilah dalam kajian ini yang perlu didefinisikan supaya tidak timbul kekeliruan terhadap pembaca. Istilah-istilah tersebut berdasarkan kepada tajuk kajian yang dibuat iaitu Hukuman Pemulihan dan Pelaksanaannya Dalam Perundangan Islam Di Negeri Johor. Definisi bagi setiap operasi kajian itu ialah:-

### i) **Hukuman**

Perkataan *al-uqubah* yang membawa maksud hukuman dalam bahasa Arab ialah *masdar* yang diambil daripada pecahan perkataan *aqaba-yaqubu-aqban-uquban* dan *aqibah*. Maksudnya adalah turun di sesuatu tempat lain dan datang pula selepas itu. Dari segi bahasa, perkataan *al-uqubah* kembali kepada makna *al-ta'aqobu* yang bermaksud telah datang seseorang selepas datang seorang yang lain atau bergilir-gilir bersama-sama orang lain terhadap sesuatu (Yusuf Syukri, 2005). Selain itu, *al-uqubah* dari segi bahasa juga membawa erti kesakitan (اللَّمَّا) atau balasan yang menggembirakan (Ziyad, 2005).

Hukuman menurut istilah ilmu fiqh adalah hukuman atas perbuatan yang melanggar ketentuan syarak yang telah ditetapkan oleh Allah. Tujuannya adalah untuk menjaga kepentingan masyarakat dan memelihara ketenteraman mereka, selain daripada memperbaiki perilaku pesalah, memelihara mereka daripada kesesatan serta mengajak mereka mentaati perintah agama. Apabila hukuman itu dapat dilaksanakan maka ia dapat menyedarkan pelaku jenayah yang berkenaan dan sekali gus dapat menyedarkan orang lain agar tidak melakukan sebarang kesalahan jenayah (Dusuki, 2012).

### ii) **Pemulihan**

Pemulihan berasal daripada perkataan pulih yang bermaksud kembali kepada asal. Manakala pemulihan bermaksud usaha untuk memulihkan seseorang kepada asal (Noresah, 2005). Pemulihan dalam Islam ialah memulihkan seseorang pesalah jenayah daripada kesalahan yang dilakukan menerusi pembersihan dosa. Dalam konteks hukuman takzir, konsep pemulihan di dalam bahasa Arab adalah pulih dan pemulihan ini hampir sama maksudnya dengan kata (صلح) *salaha* dan ada yang berkata (صلح) *saluha*. Ar Razi ada memberi takrif bahawa *as-Solah* lawan *al-Fasad* (Muhammad, 1937). Istilah *islah* digunakan untuk merujuk kepada pemulihan ini. Selain itu juga pemulihan boleh dinamakan sebagai *tadib*. Dari segi bahasa *tadib* merupakan kata nama terbitan yang diambil daripada perkataan *aduba* (أدب) dan *adabu* (أدب) yang membawa kepada dua makna. Makna pertama adalah melatih diri dalam perkara kebaikan dan makna yang kedua adalah membala kejahatan.

Menurut Ibn al-Manzur di dalam kamus *Lisan al-Arab* telah mentakrifkan *adabu* merupakan melatih diri di kalangan sesama manusia. Ia dinamakan sedemikian adalah kerana melatih manusia ke arah perkara yang terpuji dan mencegah daripada perkara yang keji (Muhammad bin Mukran, t.th).

Pemulihan berasal dari perkataan arab (*islah*) mendamaikan atau memperbetulkan (Abd al-Baqi t.th). Menurut Dusuki (2012) pemulihan adalah perbuatan memulihkan, pengembalian kepada keadaan yang semula, pemulangan atau pengembalian. Pemulihan juga boleh dikategorikan sebagai proses perkembangan dan pemberkian sesuatu benda atau perkara yang berlaku secara berterusan, ini merangkumi kepada semua aspek yang baik samada dalaman ataupun luaran. Selain itu, pemulihan bermaksud mendamaikan, menghilangkan sengketa, memperbaiki dan sebagainya. Pemulihan juga diterjemahkan sebagai gerakan pembaharuan atau tajdid (Dusuki, 2012). Pemulihan mencakupi aspek-aspek kehidupan peribadi, keluarga, masyarakat dan negara. Setiap umat Islam dipertanggungjawabkan melaksanakan tugas pemulihan menurut bidang dan kemampuan masing-masing. Semua kerja pemulihan adalah baik dan berkebijakan melainkan pada perkara yang menghalalkan perkara yang dilarang oleh syarak dan mengharamkan perkara yang dihalalkan oleh-Nya (Dusuki, 2012).

Manakala yang dimaksudkan dengan hukuman pemulihan dalam konteks kajian ini ialah satu arahan yang telah dikeluarkan oleh mahkamah kepada pesalah dalam menjalani apa-apa aktiviti atau program sebagai hukuman atau pengajaran dengan bertujuan untuk mendidik dan memulihkan pesalah supaya menjadi insan yang berguna kepada keluarga dan masyarakat.

### **1.8.2 Perundangan Islam**

Perundangan Islam adalah ajaran Islam yang membicarakan tentang amal manusia. Ia memberi maksud bahawa seorang manusia itu adalah diperintahkan dengan hukum-hukum Islam. Manusia diperintahkan secara langsumg tanpa perantaraan. Allah memerintahkan manusia samada individu dan kumpulan untuk melaksanakan

kewajipan. Perundangan Islam merupakan perundangan yang bersifat tetap dan anjal (fleksibal). Maksud tetap disini adalah setiap apa yang disyariatkan oleh Allah melalui dalil-dalil *qatei* daripada al-Quran dan al-Sunnah tidak boleh berubah, wajib dilaksanakan sebagai hukum asalnya. Suruhan atau larangan yang bersangkutan dengannya, wajib dilakukan oleh seseorang mukallaf tanpa alasan lagi. Di samping sifatnya yang tetap, perundangan Islam juga bersifat anjal, keanjalan ini membawa maksud bahawa undang-undang Islam boleh berubah daripada hukum asal kepada hukum-hukum yang lain, tertakluk kepada situasi semasa atau keadaan umat Islam pada masa tersebut (Ibrahim Lembut, 2011).

Menurut Mahmood Zuhdi (2004) mentakrifkan bahawa perundangan Islam adalah hukum-hukum Islam yang dikuatkuasakan oleh negara mengikut prosedur atau sarjana semata-mata, tetapi ijтиhad-ijтиhad yang telah diterima pakai oleh pemerintah sesebuah negara sebagai peraturan yang terlaksana melalui mekanisme biasa yang terdapat dalam negera tersebut. Dalam konteks inilah seseorang boleh membezakan peranan antara ulama dan umara dalam menentukan terlaksananya kehendak syariah Islam dalam sesebuah negara dan masyarakat.

Perundangan Islam yang dimaksudkan dalam kajian ini adalah satu bentuk ketetapan Islam yang telah digubalkan oleh pemerintah berdasarkan kepada hasil perbincangan dan bersetujuan bersama semua ahli atau wakil yang dipilih oleh rakyat dalam satu majlis untuk mencari jalan penyelesaian terhadap Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Negeri Johor) 1997 dan Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Johor) 2003 dalam sesuatu masalah tertentu di Negeri Johor.

## 1.9 KESIMPULAN

Bab ini telah membincangkan latar belakang, penyataan masalah kajian, kepentingan kajian, objektif kajian, skop kajian, definisi operasi kajian. Perbincangan ini dapat memberi gambaran awal kepada pengamal undang-undang dari pelbagai aspek penting pra kajian. Selain itu juga, ia dapat memberikan kefahaman terhadap penggunaan istilah yang terdapat di dalam kajian ini. Semoga dengan adanya kajian ini dapat membantu sedikit sebanyak terhadap permasalah tentang hukuman pemulihan yang hendak dilaksanakan di Johor.

## BIBLIOGRAFI

Al-Quran al-Karim

Abd al-Aziz Amir (1969). *al-Ta'zir Fi al-Syari'ah al-Islamiyyah*. Kaherah: Dar al-Fikr al-Arabi

Abd al-Rahman bin Abd al-Khalil (1984). *Wujub Tatbiq al-Hudud al-Shari'iyah*,. (Ed ke 3). Maktabah Ibn Taimiyyah: al-Kuwait.

Abd al-Qadir Awdah (1989). *Al-Tashri' al-Jinae al-Islami*. Beirut: Muassat al-Risalah.

Abdul Jalil Borhan (2002). *Pentadbiran Undang-Undang Islam Negeri Johor*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.

Abdul Monir B. Yaacob (2000). *Kedudukan Dan Perlaksanaan Undang-Undang Jenayah Islam Di Malaysia*. Dlm. Abdul Monic Yaacob & Sarina Othman (pnyt.). 3 ed. Tinjauan Kepada Perundangan Islam, hlm. 90. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.

Abdul Monir B. Yaacob. (2000). *Uqbah Menurut Undang-Undang Jenayah Islam*. Dlm. Abdul Monic Yaacob & Sarina Othman (pnyt.). 3 ed. Tinjauan Kepada Perundangan Islam, hlm. 173. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.

Abdul Rahman Habannakah al-Madyani (2000). *al-Aqidah al-Islamiyyat*, Dar al-Qalam: Damascus.

Abdul Shukor bin Abd Hamid (2011). Hukuman Alternatif: Perlaksanaan dan Keberkesanan. *Seminar Pendakwaan Syariah*. 1 November. Intekma Resort & Convention Centre: Shah Alam Selangor, 1.

Abdullah Nasih Ulwan (2000). *Pendidikan Anak-anak Menurut Pandangan Islam*, (Jil. 3). Putrajaya: JAKIM.

Abu Dawud, Sulayman ibn al-Ash'ath al-Sajastaniyy al-Azdiyy (t.th). *Sunan Abu Dawud*. Beirut: Dar al-Fikr.

- Abu al-Ma'ati Hafiz Abu al-Futuh (1976). *al-Nizam al-Iqabi al-Islami*. Kaherah: Dar al-Ansar.
- Ahmad Basyir Yaakub (2014). Hukuman Jenayah Syariah Terhadap Pesalah Muda: Cadangan dan Penambahbaikan. *Prosiding Seminar Undang-Undang Jenayah Islam Kebangsaan 2014*. 22 Disember. Bangi: Fakulti Undang-Undang UKM, 213-224.
- Ahmad bin Ali al-Razi al-Jassas (1405H). *Ahkam al-Quran li al-Jassas*. Beirut: Dar Ihya al-Turath al-Arabi.
- Ahmad Fathi Bahnasi (1965). *al-Siayarah al-Jinaiyyah fi al-Syariah al-Islamiyyah*. Kaherah: Maktabat Dar al-Urubah.
- Ahmad Fathi Bahnasi (1989). *al-Uqubah fi al-Fiqh al-Islami*. Kaherah: Dar al-Syuruq.
- Ahmad Fathi Bahnasi (1986). *al-Hudud fi al-Islam*. Kaherah: Muasasah al-Khalij al-Arabi.
- Ahmad Mohamed Ibrahim (1997). *Pentadbiran Undang-Undang Islam Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).
- Ahmad Puaad bin Abd Rahman (2004). *Konsep Islah Menurut al-Quran: Satu Kajian terhadap Pelaksanaannya Dalam Pertubuhan Jamaah Islah Malaysia (JIM)*. Tesis Sarjana Falsafah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Ahmad Sunawary Long (2005). *Pengenalan Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam*. (Cetakan Pertama). Fakulti Pengajian Islam UKM: Bangi.
- Aishah Hassan (1998). *Pendidikan Islam Terhadap Pendidikan Anak-Anak-Bahagian Satu*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam.
- Akta Parlimen. Malaysia (1997). Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Neegri Johor) 1997.
- Akta Parlimen. Malaysia (2003). Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Johor) 2003.
- Akta Parlimen. Malaysia (2003). Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor) 2003.
- al-Ajm, Rafiq (1988). *Mawsu'ah Mustalahat Usul al-Fiqh inda al-Muslimin*. (Jilid 1). Beirut: Maktabah Lubnan.
- al-Albani, Muhammad Nasir al-Din (t.th). *al-Silsilah al-Sahihah*. Riyadh: Maktabah al-Ma'arif.

- al-Bukhariyy, Abu Abdullah Muhammad Ibn Isma'il (1989) *Sahih al-Bukhari*. (Juzuk 2). Beirut: Dar al-Fikr.
- al-Darqutni, ali Ibn Umar (1998). *Sunan al-Darqutni*. Beirut: Dar al-al-Fikr.
- al-Ewwa, Muhammad Salim (1983). *Fi Usul al-Nizam al-Jina'iy al-Islami*. (Cetakan Kedua). Kaherah: Dar al-Ma'arif.
- al-Ghazzali, Abu Hamid Muhammad Ibn Muhammad (1996). *al-Mustasfa An Ilm al-Usul*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Husayn bin Muhammad (t.th). *al-Mufradat fi Gharib al-Quran*. Lubnan: Dar al-Ma'rifat
- al-Imam Muhammad bin Abu Bakar (1937). *Mukhtaru as-Sihah*. Beirut: Darul al-Fikri.
- al-Mawardiyy, Abu al-Hasan Ali bin Muhammad bin Habib al-Basriyy al-Baghdadi (1970). *al-Ahkam al-Sultaniyyah Wa al-Wilayat al-Diniyyah*. Berut: Dar Kutub al-Ilmiyyah.
- al-Nawani, Yahya bin Sharaf (2007). *Riyad al-Salihin*. Beirut: Dar Ibn Kathir
- al-Nawawi, Yahya bin Sharaf (1932). *al-Minhaj Sharh Sahih Muslim bin al-Hajjaj*. Beirut: Dar al-Ihya' al-Turath al-Arabi.
- al-Nawawi, Yahya bin Sharaf (1405H). *Rawdah al-Talibin*. (Edisi ke-2) Beirut: Dar al-Fikr.
- al-Nawawi, Yahya bin Sharaf (1997). *al-Majmu Sharh al-Muhadhdhad*. (Jil. 1). Beirut: al-Maktabah al-Islami
- al-Shiraziyy (1992) *al-Muhadhdhab*. Suntingan oleh Muhammad al-Zuhayliyy. Damshiq: Dar al-Qalam.
- Amidi bin Abdul Manan (2010). *Kajian Kes Rehabilitasi Banduan di Penjara Penor: Mengkaji Keberkesanan Pemulihan Banduan Berkaitan Aspek Akidah Menggunakan Pendekatan Biasa Dan Sains*. Tesis Sarjana Pengajian Islam: Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Amir bin Danuri (2005). Sejarah Penubuhan Mahkamah Syariah dan Perkembangannya. *Buletin Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Johor (JKSNJ)*, Volume 1, 6-7.
- Anita Abdul Rahim, Adibah Abdul Manaf (2012). Hukuman bagi Kesalahan Seksual di Bawah Enakmen Jenayah Syariah Negeri Sembilan 1992: Keperluan kepada Hukuman yang Lebih Berat. *Malaysian Journal of Law & Society*. 18(16), 29.

- Arahan Amalan, Mahkamah Syariah Tahun 2007
- Arifah Rahimah Ismail (2014). Perintah Khidmat Masyarakat Sebagai Hukuman Alternatif di Mahkamah Syariah Malaysia. *Jurnal Kanun Undang-Undang Malaysia*, 26, 192 – 219. Dewan Bahasa & Pustaka.
- Arifah Rahimah Ismail (2014). Perintah Khidmat Masyarakat Menurut Kerangka Syariah. *International Journal of Islamic Thought*, 6, 1-11. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Awang Armadajaya Awang Mahmud (2013). Hukuman Alternatif: Satu Perbandingan di antara Mahkamah Syariah dan Sivil. *Konvensyen Perundangan Jenayah Syariah*. 6 Mac. Seremban, 3-31.
- Bahagian Penguatkuasaan, Jabatan Agama Islam Johor (2015). Statistik Tangkapan Kes Jenayah Syariah Tahun 2012 sehingga 2014.
- Bogdan, R.C. & Miklen, S.K. (2003). *Qualitative Research for Education: An Introduction To Theory and Methods*. Boston: Allyn.
- Dusuki bin Haji Ahmad (2012). *Kamus Pengetahuan Islam*. (Cetakan Pertama). Kuala Lumpur: Utusan Publications
- Engku Ahmad Zaki Engku Alwi (2005, Mac 6). *Pesanan Rasullullah Jangan Persiakan Zaman Remaja*. Berita Minggu.
- Faizah Ismail (2001) *al-Fiqh al-Jina'i al-Islami*. (Cetakan Pertama). Kuala Lumpur: Intel Multimedia And Publication.
- Farida binti Mustaffa (2012). *Persepsi Penghuni Terhadap Program Pemulihan di Asrama Rusila, Marang Terengganu*. Tesis Sarjana Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- H. M. Ramadan (2006). *Understanding Islamic Law: From Classical to Contemporary*, Altamira Press: United States of America.
- Haliza A. Shukor, Nabilah Yusof, Intan Nadia Ghulam Khan dan Hasnizam Hashim. (2013). Kahwin Lari: Satu Cadangan Keperluan Hukuman Alternatif. (Kertas Kerja). *Global Conference on Business, Economics and Social Sciences 2013*. Kuala Lumpur, 27-36.
- Ibn Abidin (2000). *Hashiah Ibn 'Abidin*. Beirut: Dar al-fikr li Taba'ah wa al-Nashr.
- Ibn al-Arabi, Muhammad bin Abd Allah (t.th). *Ahkam al-Quran li Ibn al-'Arabi*. Lubnan: Dar al-Fikr li Taba'ah wa al-Nashr.
- Ibn Hajar al-Asqalaniyy, Ahmad bin Ali (2000). *Fath al-Bari Sharh Sahih al-Bukhariyy*. Damsyik: Dar al-Salam & Dar al-Faiha.

- Ibn Hanbal, Ahmad ibn Hanbal (t.th). *Musnad Ahmad ibn Hanbal*. Beirut: Dar al-Taba'ah wa al-Nashr.
- Ibn Kathir, Abu al-Fida' Ismail bin Kathir (1401H). *Tafsir al-Qur'an al-Azim*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Ibn Majah, Abu 'Abd Allah Mahmud Ibn Yazid al-Qazwayni (1998). *Sunan Ibn Majah*. Cairo: Dar al-Hadis.
- Ibn Qayyim al-Jawziyyah (1968). *A'lam al-Muwaqqin*, Mesir: Maktabah al-Kulliyyah al-Azhariyyah.
- Ibn Taimiyyah, Ahmad bin Abd al-Halim al-Harrani (t.th). *Majmu' al-Fatawa*. t.tp: Maktabah Ibn Taimiyyah.
- Ibrahim bin Lembut (2011). Keanjalan Undang-Undang Islam dan Penerapan Hukum Syarak dalam Perundangan Negara. *Seminar Perundangan Islam Dalam Masyarakat Kontemporeri*. 19 November. Unisza: Kuala Terengganu, 1-15
- Imam Bernadid (1982). *Erti dan Metod Sejarah Pendidikan*. Yogyakarta: FIP-IKIIP.
- Jamaludin Saad (2015). Cabaran Dalam Usaha Membangunkan Dan Melaksanakan Modul Pemulihan di Dalam Penjara Untuk Pesalah Jenayah Syariah. *Jurnal Kanun Undang-Undang Malaysia*. Kanun 27, 169-178. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur
- Jasri Jamal (2003). Konsep Hukuman Takzir di dalam Kanun Jenayah Syariah di Malaysia. *Prosiding Seminar Kebangsaan Fiqh Semasa 2003*. 15 Mac, Bangi: Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, 139-141.
- Jasri Jamal (2012). Pertambahan Bidang kuasa Jenayah Syariah: Impaknya Terhadap Institusi Kehakiman Syariah di Malaysia. *Shariah Law Reports*. [2012][1ShLR].
- Jasri Jamal (2014). Keperluan Pembinaan Modul Hukuman Alternatif Bagi Pesalah Jenayah Syariah di Malaysia. *Prosiding Seminar Undang-Undang Jenayah Islam Kebangsaan 2014*. 22 Disember. Fakulti Undang-Undang UKM: Bangi, 10-16.
- Kamarul Azmi Jasmi (2004). *Pendidikan akhlak kepada Allah S.W.T Nadi penggerak pembangunan peradaban insan*. UUM: Kedah.
- Kamarul Azmi Jasmi, Nasrul Hisyam Nor Muhammad, Ramli Awang (2012). Buku Panduan Tesis Gaya Fakulti Tamadun Islam. Universiti Teknologi Malaysia: Fakulti Tamadun Islam.

- Mahamad Naser B. Desa (2010). Cadangan Bagi Memperluaskan Kuasa Mahkamah Syariah Untuk Mengeluarkan Perintah Pemulihan Sebagai Hukuman Alternatif Atau Tambahan Kepada Hukuman Sedia Ada Di Bawah Undang-Undang Kesalahan Jenayah Syariah Di Malaysia. *Seminar Pendekatan Undang-Undang Islam di Malaysia Dalam Menangani Gejala Sosial*. 29 Jun. Jabatan Peguam Negara, Putrajaya.
- Mahamad Naser B. Desa. (2011). Perintah Pemulihan Sebagai Hukuman Alternatif Dalam Undang-Undang Jenayah Syariah Di Malaysia. *Seminar Pendakwaan Syariah: Hukuman Alternatif: Perlaksanaan dan Keberkesanan 2011*. 1 November. Intekma Resort & Convention Centre Shah Alam Selangor, 36-66
- Mahamad Naser bin Disa. (2012). Perintah Pemulihan Sebagai Hukuman Alternatif. *Persidangan Pengukuasa Dan Pendakwa Syarie*. 13 Mac, Corus Paradise Resort, Port Dickson: JAWI., 28-39.
- Mahir Abdul Majid Abbud (2007). *al-Afwu 'an al-Uqubah fi Dhou'i al-Syariah al-Islamiyyah wa al-Qanun al-Wad'i: Bahthun Muqaran*. Lubnan: Dar al-Kutub al-Ilmiyah.
- Mahmood Zuhdi bin Abd Majid (1992). *Bidang kuasa Jenayah Dalam Undang-Undang Mahkamah Syariah Di Malaysia: Satu Penilaian Dari Aspek Pencapaian Objektif Hukum Syarak*. Tesis Doktor Falsafah. Fakulti Syariah Akademi Islam Universiti Malaya. KL
- Mahmood Zuhdi bin Abd Majid (2001). *Bidang kuasa Jenayah Mahkamah Syariah Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mahmood Zuhdi Abd Majid. (2004). *Pengantar Undang-Undang Islam di Malaysia*. (Cetakan Kedua). Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Marzuki bin Hussin (2011). Hukuman Alternatif: Perlaksanaan dan Keberkesanan. *Seminar Pendakwaan Syariah*. 1 November . Intekma Resort & Convention Centre: Shah Alam Selangor, 3-5
- Maznah binti Embong (2006). *Pelaksanaan Hukuman Sebat di Malaysia: Tinjauan Menurut Perspektif Undang-Undang Islam*. Tesis Sarjana Pengajian Islam. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Mazlah Yaacop (2004). *Hukum Sebat: Pelaksanaan Menurut Hukum Islam dan Undang-Undang Jenayah di Malaysia*. Tesis Sarjana Syariah dan Undang-undang. Univerti Malaya, Kuala Lumpur.

- Merriam, S.B. (1998). *Qualitative Research And Case Study Application In Education. Revised And Expended From Case Study Research In Education.* San Francisco: Jossey-Bass Publishers.
- Mohd al-Adib bin Samuri. (2012). Perintah Khidmat Masyarakat bagi kanak-kanak yang berkonflik dengan Undang-Undang: Teori, Kerangka Perundangan dan Halatuju di Malaysia. *Jurnal Undang-Undang* 18. Fakulti Undang-Undang: UKM.
- Mohd al-Adib bin Samuri (2012). Teori Pencegahan Sebagai Justifikasi Hukuman: Analisis Perbandingan antara Perundangan Sivil dan Islam. *Jurnal Islamiyyat.* Fakulti Pengajian Islam: UKM
- Mohd Fazrin bin Hamdan (2015). Pelaksanaan Undang-undang Islam di Mahkamah Syariah Johor Bahru, Johor. *Journal of Human Development and Communication* Volume 4, 2015. Universiti Malaysia Pahang: Gambang, 111–124
- Mohd Nadzri bin Haji Abdul Rahman (2014). *Hukuman Alternatif Dari Perspektif Mahkamah Syariah.* Bengkel Penyediaan Modul Pelaksanaan Hukuman Alternatif. 23 Febuari. The Legend Resort Cherating: Pahang.
- Mohd Nadzri bin Haji Abdul Rahman (2010). *Undang-Undang Tatacara Mahkamah Syariah, Prinsip dan Amalan.* (Cetakan Pertama). Karya Kreatif Resources: Negeri Sembilan.
- Mohd Nadzri bin Haji Abdul Rahman (2014). Hukuman Alternatif Dari Perspektif Mahkamah Syariah. *Jurnal Hukum* Jld. 39 (Bhg. 1). Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia: Putrajaya, 1-22.
- Mohd Sulaiman Yassin (1988). *Pangantar Akidah.* Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Mohd Zamri bin kambari, Ketua Pegawai Penguatkuasa Agama Negeri Johor. (23 Jun 2016). Jabatan Agama Islam Negeri Johor. (Temu bual)
- Muhammad Abu Zahrah (t.th). *al-Jarimah wa al-Uqubah fi al-Fiqh al-Islami.* Dar al-Fikr al-Arabi.
- Muhammad Khaldun bin Mohamad Sharif, Hakim Syarie Mahkamah Tinggi Syariah Selatan, Johor Bahru. (25 Januari 2016). Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Johor. (Temu bual)
- Muhammad Rawas (1981). *Mawsu'ah Fiqh 'Umar Ibn al-Khattab fi Sabil Mawsu'ah Fiqhiyyah Jami'ah,*

- Muhammad bin Mukran bin Manzur (t.th). *Lisan al- 'Arab*. Beirut: Dar Sadir.
- Muslim bin al-Hujjaj al-Qushayri (1987). *Sahih Muslim*. Beirut: al-Maktabah al-Islami.
- Noresah Baharom (2005). *Kamus Dewan*, Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan bahasa dan Pustaka.
- Nor Huda Roslan (2013). Hukuman Alternatif: Dari Perspektif Syara' dan Undang-undang Jenayah Syariah di Malaysia (Slide Power Point). *Konvensyen Perundangan Jenayah Syariah*. 4 Mac. Dewan Theatrette, Wisma Negeri, Negeri Sembilan.
- Norrazanah binti Ibrahim (2002). *Hukuman dan Pemulihan Pesalah Juvenil di Malaysia: Satu Analisis daripada perspektif Islam*. Tesis Sarjana Syariah dan undang-undang. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Nor Salimah binti Abu Mansor. (2000). *Metodologi Pemulihan Insan di Penjara Marang Terengganu: Kajian Perbandingan dengan Prinsip Da'wah Islamiyyah*. Tesis Sarjana Pengajian Islam. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nurbazla binti Ismail. (2014). *Prospek Perintah Khidmat Masyarakat Oleh Mahkamah Syariah*. Tesis Sarjana Pengajian Islam. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nurbazla binti Ismail. (2014). *Matlamat Perintah Khidmat Masyarakat di Mahkamah Syariah Menurut Maqasid Syariah dan Pandangan Hakim Syarie*. Ulum Islamiyyah Journal. (Vol. 14) USIM: Nilai, 113-130
- Nurfadhlhan bin Abdul Razak. (2014). *Perintah Khidmat Masyarakat terhadap Pesalah Kanak-Kanak Di Malaysia Menurut Perspektif Syariah*. Tesis Sarjana Pengajian Islam. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi
- Nurul Izzati binti Mohamad. (2015). Khalwat: Keperluan kepada Hukuman Sebat dan Alternatif. *Jurnal Undang-Undang* 19. Fakulti Undang-Undang: UKM, 1-8
- Nur Suhaila binti Muhamad. (2008). *Pelaksanaan Hukuman Terhadap Pesalah Juvana di Malaysia: Tinjauan Menurut Perspektif Islam*. Tesis sarjana Pengajian Islam. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi
- Sabitha Marican (2005). *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial*. Petaling Jaya: Pearson Prentice Hall.
- Sabahi, Muhammad Rabi (2008). *Jara'im al-ahdath fi al-shari'ah al-Islamiyah*. Damsyiq: Dar al-Nawadir.

- Sahul Hamid bin Moideen, Hakim Syarie Mahkamah Rendah Syariah Johor Bahru. (26 April 2016). Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Johor. (Temu bual)
- Shariffuddin bin Abdul Rahman, Hakim Syarie Mahkamah Tinggi Syariah Selatan, Johor Bahru. (12 Mei 2016). Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Johor. (Temu bual).
- Sidek Mohd Noah (2011). *Reka Bentuk Penyelidikan, Falsafah, Teori dan Praktis*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Siti Amalina binti Ahmad Khairudin. (2014). *Prospek Dan Kerangka Perundangan Hukum Sebatan Dengan Rotan Ringan Terhadap Pesalah Muda Di Mahkamah Syariah*. Tesis Sarjana Pengajian Islam. Universiti Kebangsaan Malaysia: Bangi
- Siti Zubaidah binti Ismail. (2011). Hukuman Alternatif dari Perspektif Undang-Undang Syariah. *Seminar Pendakwaan Syariah*. 1 November. Intekma Resort & Convention Centre. Shah Alam: JAIS, 1-17
- Siti Zubaidah Ismail. (2011). '*Hukuman Alternatif dari Perspektif Undang-Undang Syariah*'. *Shariah Law Reports*. [2011][4 ShLR].
- Syahrulnizam bin Hj Saat, Hakim Syarie Mahkamah Tinggi Syariah Utara, Muar. (18 Januari 2016. Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Johor. (Temu bual)
- Syeikh Ghazali bin Abd Rahman. (2008). Pengadilan Jenayah Syariah Di Malaysia: Kesannya Kepada Masyarakat. *Persindangan Pegawai Penguatkuasaan Agama dan Pendakwa Syarie Seluruh Malaysia*. 21 Disember. The Hotel Quality: Shah Alam, 1-14.
- Taylor, S.J & Bogdan, R. (1994). *Introduction To Qualitative Research Methods: The Search for Meanings*. New York: John Wiley and Sons.
- Tuan Lokman Hakim bin Tuan Kamaluddin, Ketua Pendaftar, Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Johor. (23 Jun 2016). Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Johor. (Temu bual)
- Ulwan, Abdullah Nasih (1998). *Pendidikan Anak-anak Menurut Pandangan Islam*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- W. Lawrence Neuman (1994). *Social Research Methods Qualitative and Quantitative Approaches*. United States of America: A Division of Simon.
- Wahbah al-Zuhayli (1992). *Mengenal Hukum Hudud (Qazaf, Mencuri, Merompak Dan Minum Arak)*: (terjemahan), Kota Bharu: Dian Darulnaim Sdn. Bhd.

- Wahbah Al-Zuhaily (2005). *Fiqh Dan Perundangan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wizarah al-Awqaf wa al-Shu'un al-Islamiyyah (1983). *Al-Mausu'ah al-Fiqhiyyah*. Kuwait: Taba'ah Dzat al-Salasil
- Wan Roslili Abd Majid. (2015). *Isu dalam Penahanan dan Pemulihan Banduan di Malaysia*. Jurnal Kanun Undang-Undang Malaysia. (Jilid 27). Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- [www.ikim.gov.my](http://www.ikim.gov.my) telah diakses pada 25 Jun 2014
- [www.baitul-ehsan.mais.gov.my](http://www.baitul-ehsan.mais.gov.my) telah diakses pada 25 Jun 2014.
- Yusuf Syukri Farhat (2005). *Mu'jam al-Tullab*, (Cetakan ke-7). Beirut Lubnan: Dar al-Kutub al-ilmiyyah.
- Zaleha binti Kamaruddin (2012). Memacu Transformasi Perundangan Islam Di Malaysia. *Persidangan Tahunan Pegawai Syariah Kali Ke-12*. 13 Ogos. Gambang Resort, Kuantan, 1-15.
- Zamani Ahmad (2013). *Pelaksanaan Hukuman Rotan Ke Atas Murid Sekolah Di Malaysia : Analisa Sosial dan Perundangan*. Tesis Sarjana Undang-undang, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi
- Ziyad bin Soleh Lubangha (2005). *Waqi'iyyah al-Tasyri al-Islami wa Atharuha*. Riyadh: Jamiyah Al-Imam Muhammad bin Sa'ud al-Islamiyyah.
- Zulfahmi bin Bunaim, Ketua Pendakwa Syarie Negeri Johor. (26 Mei 2016). Jabatan Agama Islam Negeri Johor. (Temu bual)